

Media Title

- : Utusan Borneo Sarawak
- : Miliki wang diperolehi secara tidak sah, keldai akaun didenda RM500
- : 30 April 2024
- : Tempatan
- : 6

Date

Section

Page



Miliki wang diperolehi secara tidak sah, keldai akaun didenda RM500

MIRI: Seorang keldai akaun didenda RM500 atau seminggu penjara oleh Mahkamah Majistret di sini semalam setelah mengaku bersalah atas tuduhan memiliki sejumlah wang diperolehi secara tidak sah.

Brosny Juwis, 34, dari Desa Pujut di sini didakwa mengikut Seksyen 37 (1) Ordinan Kesalan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak).

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tiga bulan dan denda RM500 jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati memiliki wang berjumlah

RM3,465 di dalam akaunnya yang diperolehi secara tidak sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu jam 11.19 malam, pada 9 November 2023 di sebuah lot, Riverview Park Fasa 5, Jalan Lutong-Kuala Baram di sini.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu agar hukuman ke atasnya diringankan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Ali Hussain di hadapan Majistret Randu Rangen manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.